

MERCU

G e n e r a s i k e G e n e r a s i

Jan - Jun
2014



www.ptptn.gov.my



Simpanan
Bonanza! dan
Simpanan
X-Tra Bonanza!
SSPN-*i*

**Pelancaran Program
Sahabat PTPTN
Peringkat Nasional**

**Penyampaian Hadiah
Simpanan Perdana SSPN-*i***

Penasihat/ Ketua Eksekutif

Encik Agos Cholan

Ketua Pengarang

Puan Teh binti Hamid

Penolong Ketua Pengarang

Puan Aizam binti Abdul Aziz @ Drahaman

Sidang Pengarang

Puan Rina binti Abd Rahman

Puan Nurshazwani binti Mohd Ameran

Puan Shahaitul Norma binti Mohamed Sulong

Puan Suria Ruhaiza binti Mansor

Puan Nur Raihana binti Abd Rahim

Cik Aisafari binti Suparman

Cik Nor Azura binti Ismail

Puan Maznira binti Mokhtar

Encik Zahirudin bin Zainol Abidin

Puan Noremilda binti Jali

Urus Setia Penerbitan

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Mutalib

Jurugambar

Encik Muhamad Zuwairi bin Kamarulzaman

Edaran

Encik Mohd Ridzuan bin Awang @ Shapiea

Diterbitkan Oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana

Off Jalan Semantan, Damansara Heights

50490 KUALA LUMPUR

bicara pengarang



MERCU meneruskan kelangsungan menemui warga dan pelanggan PTPTN membawa bersama berita semasa dan perkembangan pembiayaan pendidikan dan SSPN-*i*.

Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat izin dan limpah rahmatNya Mercu Edisi Ketiga (Januari – Jun 2014) telah dapat diterbitkan.

Sepuluh tahun pertama 2014 telah berlalu. Pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan oleh PTPTN dalam usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat Malaysia.

Program Sahabat PTPTN serta promosi Simpanan Bonanza! dan X-Tra Bonanza! SSPN-*i* antara agenda penting dalam kalendar 2014 yang sedang berlangsung. Program dan promosi tersebut merupakan antara langkah proaktif yang diambil oleh PTPTN dalam usaha mempromosikan bayaran balik dan penabungan SSPN-*i* di kalangan peminjam dan masyarakat. Sahabat PTPTN terus diperkasakan melalui usaha promosi dalam menyahut seruan YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia agar semua kementerian, agensi awam dan swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah menengah dan rendah menyertai program Sahabat PTPTN sekaligus menikmati keistimewaan-keistimewaan yang ditawarkan kepada majikan dan juga kakitangan.

Penutup bicara pengarang, marilah kita bersama-sama menatap wacana dan perkhidmatan Mercu kali ini yang menyediakan lebih ruang kepada warga PTPTN dan para pelanggan yang dikasihi.

PTPTN akan terus melaksanakan transformasi dengan melonjakkan prestasi bagi meletakkan PTPTN sebagai sebuah agensi yang unggul dan warganya sebagai agen perubahan yang berkesan.

Salam hormat.

TEH HAMID

kandungan

BICARA PENGARANG

1

BERITA

Majlis Pelancaran Program Sahabat PTPTN Peringkat Nasional dan Penyampaian Hadiah Simpanan Perdana SSPN-*i*

Promosi Simpanan Bonanza SSPN-*i* dan Simpanan X-Tra Bonanza! SSPN-*i*

Kemudahan SSPN-*i* di RHB Islamic Bank

Dividen SSPN-*i* 2013

Promosi PTPTN Di Hatiku

Lawatan Sambil Belajar dan Penanda Aras ke PTPTN

Pembukaan Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan Baharu

3

LENSA PTPTN

11

KHIDMAT KOMUNITI

Misi Sukarelawan Mangsa Banjir PTPTN

Majlis Penyerahan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP)

Program Mini "PTPTN Di Hatiku" dan Majlis Penyerahan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP)

13

RENCANA

Sahabat PTPTN

15

AKTIVITI

Program Derma Darah

Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yassin

Bicara Ilmiah Maulidur Rasul 1435H

Sukan Mini YB Menteri Pendidikan II

16

MEDIA INTERAKTIF

Lawatan Kerja ke Media Prima Berhad

Media Luncheon Bersama Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)

Wawancara Bersama Media

17

INSPIRASI

Bersyukur!

18

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SAHABAT PTPTN PERINGKAT NASIONAL DAN PENYAMPAIAN HADIAH SIMPANAN PERDANA SSPN-*i*



1



2



3



4

- 1 Tetamu kehormat menyempurnakan gimik pelancaran Sahabat PTPTN Peringkat Nasional.
- 2 Tetamu kehormat bergambar bersama Sahabat PTPTN yang baru dilantik.
- 3 Penyerahan replika cek Sumbangan Dana Bantuan Pelajar Miskin 1Malaysia (BPM1M) daripada Ketua Pegawai Eksekutif CIMB kepada Ketua Eksekutif PTPTN.
- 4 Wajah-wajah ceria para pemenang Simpanan Perdana SSPN-*i* bersama tetamu kehormat.

Majlis Pelancaran Program Sahabat PTPTN Peringkat Nasional Dan Penyampaian Hadiah Simpanan Perdana SSPN-*i* telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II pada 22 April 2014 bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Di antara pengisian majlis ialah Pelancaran Sahabat PTPTN, Pelantikan RHB Islamic Bank Sebagai Ejen SSPN-*i*, Sumbangan BPM1M daripada Institusi Kewangan/ Badan Korporat dan Penyampaian Hadiah Simpanan Perdana SSPN-*i*.

Program SAHABAT PTPTN diperkenalkan bertujuan untuk mewujudkan kolaborasi dengan agensi kerajaan dan swasta serta persatuan berdaftar untuk menggalakkan bayaran balik pembiayaan pendidikan dan penambahan deposit SSPN-*i* secara potongan gaji. Melalui program ini, ianya dapat menjana

pendapatan kepada SAHABAT melalui komisen yang ditetapkan selain dapat meningkatkan kutipan bayaran balik pembiayaan dan deposit SSPN-*i*.

Manakala Simpanan Perdana SSPN-*i* merupakan program cabutan tahunan yang diperkenalkan PTPTN bagi menggalakkan penabungan SSPN-*i*. Program ini terbuka kepada pendeposit yang membuat deposit sekurang-kurangnya RM6,000.00 dalam tempoh promosi.

Tempoh promosi bagi Simpanan Perdana SSPN-*i* bermula daripada 1 Januari 2013 dan berakhir pada 30 September 2013 manakala tempoh pengekalan deposit adalah daripada 1 Oktober 2013 sehingga 31 Disember 2013. Pelbagai hadiah menarik ditawarkan.



HADIAH PERTAMA
Proton Inspira

Soo Wai Pan



HADIAH KEDUA
Perodua Myvi

Wendy Tan Siew Kim
Liaw Chow Ti



HADIAH KETIGA
Kawasaki Ninja

Cheong Sau Fong
Lau Kim Bee
Shamsul Anuar Bin Hashim
Adibah Binti Mizan
Tan Swie Peng



SAGUHATI x30
Honda Icon



“ Pada mulanya saya hanya menabung untuk pendidikan bagi kedua-dua orang anak dan ada pengecualian cukai tetapi tidak sangka PTPTN menganjurkan cabutan untuk pendeposit SSPN-*i* yang bertuah. Kereta Proton Inspira ini saya akan gunakan untuk urusan harian. Terima kasih SSPN-*i*! ”

SOO WAI PAN
Pemenang Pertama
Simpanan Perdana SSPN-*i*

“ Selepas mengetahui tentang SSPN-*i* melalui media elektronik, saya terus mengambil keputusan untuk menabung dengan SSPN-*i*. Saya juga turut memaklumkan rakan-rakan akan kepentingan menabung melalui SSPN-*i* untuk pendidikan anak-anak pada masa akan datang. ”

WENDY TAN SIEW KIM
Pemenang Kedua
Simpanan Perdana SSPN-*i*



“ Serampang 2 mata itulah pepatah yang bersesuaian. Niat menabung dan ingin mendapatkan pengecualian cukai pendapatan, saya berjaya memenangi sebuah motosikal Kawasaki. Pelaburan yang sangat menguntungkan untuk pendidikan masa depan anak-anak. Diharapkan SSPN-*i* terus menjadi pemangkin untuk menggalakkan orang ramai terus menabung! ”

SHAMSUL ANUAR BIN HASHIM
Pemenang Ketiga
Simpanan Perdana SSPN-*i*



PROMOSI SIMPANAN BONANZA! SSPN-*i* DAN SIMPANAN X-TRA BONANZA! SSPN-*i*

Amalan berjimat cermat dan 'Menyediakan Payung Sebelum Hujan' adalah berkait rapat dengan perancangan masa depan kewangan sesebuah keluarga mahupun seseorang individu.

Sebagai langkah proaktif dan kesungguhan PTPTN dalam menyedarkan masyarakat akan kepentingan menabung, kaedah promosi menerusi program cabutan hadiah diteruskan pada tahun 2014 melalui cabutan Simpanan Bonanza! SSPN-*i* dan Simpanan X-Tra Bonanza! SSPN-*i*.

Simpanan Bonanza! SSPN-*i* dan Simpanan X-Tra Bonanza! SSPN-*i* terbuka kepada pendeposit yang membuka akaun atau membuat penambahan deposit

SSPN-*i* sekurang-kurangnya RM1,000.00 dalam tempoh promosi bagi melayakkan penyertaan Simpanan Bonanza! SSPN-*i* dan RM6,000.00 dalam tempoh promosi bagi melayakkan Simpanan X-Tra Bonanza! SSPN-*i*.

Pendeposit perlu mengekalkan deposit dalam tempoh yang ditetapkan untuk melayakkan menyertai cabutan dan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik.

CABUTAN HADIAH	TEPOH PROMOSI	TEPOH PENGEKALAN DEPOSIT
Simpanan Bonanza! SSPN- <i>i</i>	1 April – 31 Mei 2014	1 Jun – 31 Julai 2014
	1 Jun – 31 Julai 2014	1 Ogos – 30 September 2014
	1 Ogos – 30 September 2014	1 Oktober – 30 November 2014
Simpanan X-Tra Bonanza! SSPN- <i>i</i>	1 April – 30 September 2014	1 Oktober – 31 Disember 2014

Rebutlah Peluang SIMPAN dan MENANG

Simpanan Bonanza! SSPN-*i*

HADIAH

3 Siri Cabutan

PERTAMA X 1 RM100,000

KEDUA X 2 RM50,000

KETIGA X 3 RM10,000

SAGUHATI X 30 RM500

TEPOH PROMOSI

1 April - 31 Mei 2014
1 Jun - 31 Julai 2014
1 Ogos - 30 September 2014

Simpanan X-Tra Bonanza! SSPN-*i*

HADIAH

PERTAMA X 1 RM200,000

KEDUA X 2 RM100,000

KETIGA X 3 RM50,000

SAGUHATI X 60 RM1,000

TEPOH PROMOSI

1 April - 30 September 2014

Syarat-syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada pendeposit yang membuka akaun atau membuat penambahan deposit SSPN-*i* sekurang-kurangnya:
 - RM1,000 dalam tempoh promosi bagi melayakkan Simpanan Bonanza! SSPN-*i*; dan
 - RM6,000 dalam tempoh promosi bagi melayakkan Simpanan X-Tra Bonanza! SSPN-*i*
- Pendeposit perlu mengekalkan deposit tersebut dalam tempoh yang ditetapkan untuk melayakkan menyertai Simpanan Bonanza! SSPN-*i* dan Simpanan X-Tra Bonanza! SSPN-*i*; dan
- Semua pendeposit SSPN-*i* layak menyertai cabutan simpanan ini kecuali kakitangan dan ahli keluarga PTPTN (merangkumi pasangan dan anak-anak).

* Tertakik kepada terma dan syarat.
** Imej yang dipaparkan hanyalah ilustrasi sahaja.

Untuk maklumat lanjut syarat penyertaan, sila layari portal rasmi PTPTN
www.ptptn.gov.my

KEMUDAHAN SSPN-*i* DI RHB ISLAMIC BANK

RHB Islamic Bank Berhad (RHB Islamic) telah dilantik oleh PTPTN sebagai ejen Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-*i*) berkuatkuasa pada 17 Mac 2014.

Dengan pelantikan tersebut, para pelanggan boleh melakukan transaksi pembukaan akaun, penambahan deposit dan semakan baki akaun SSPN-*i* secara *realtime* di kaunter RHB Islamic atau

RHB Bank di seluruh negara.

Diharapkan dengan pelantikan RHB Islamic Bank sebagai ejen SSPN-*i* dapat memudahkan dan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk membuka akaun dan membuat penambahan deposit di dalam SSPN-*i*.



Sesi pertukaran perjanjian dan pelantikan RHB Islamic Bank sebagai ejen SSPN-*i* sempena Majlis Pelancaran Program Sahabat PTPTN Peringkat Nasional dan Penyampaian Hadiah Simpanan Perdana SSPN-*i*.

DIVIDEN SSPN-*i* 2013

Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh telah mengumumkan kadar dividen SSPN-*i* bagi tahun 2013 sebanyak 4.25 peratus.

Pengumuman dilaksanakan semasa berucap di Majlis Pelancaran Sahabat PTPTN Peringkat Nasional dan Penyampaian Hadiah Simpanan Perdana SSPN-*i* menggantikan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin pada 22 April 2014 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Pemberian dividen tersebut melibatkan peruntukan sebanyak RM36.15 juta. Kadar dividen yang diberikan adalah lebih tinggi daripada kadar faedah atau keuntungan untuk akaun simpanan yang diberikan oleh kebanyakan institusi kewangan.

Dengan pemberian kadar dividen yang tinggi ini diharap dapat menjadikan SSPN-*i* lebih berdaya saing dalam menarik lebih banyak pembukaan akaun serta penambahan deposit SSPN-*i*.



PROMOSI PTPTN DI HATIKU



Keperluan menabung bagi tujuan pendidikan anak-anak perlu dititikberatkan

oleh ibu bapa sesuai dengan peribahasa melayu 'Sediakan Payung Sebelum Hujan' di mana hasil tabungan daripada peringkat awal dapat membantu ibu bapa menghantar anak-anak menyambung pengajian di peringkat tinggi tanpa masalah kewangan. Oleh itu, bagi memupuk kesedaran di kalangan ibu bapa terhadap kepentingan menyediakan tabungan pendidikan, PTPTN turut terkesan untuk melaksanakan promosi secara besar-besaran dengan kerjasama bank-bank tempatan yang terpilih. Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2014, PTPTN telah melaksanakan 4 program

promosi bersama 3 buah bank tempatan. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Prestasi yang berjaya dicapai bagi 4 program promosi ini cukup memberangsangkan dimana sebanyak 4,612 pembukaan akaun SSPN-*i* dengan nilai deposit RM615,351.45 telah berjaya diperolehi menerusi promosi ini. Manakala penambahan akaun sebanyak 1,452 dengan amaun RM497,821.07 turut menyumbang kepada pencapaian prestasi ini. Jumlah keseluruhan transaksi adalah sebanyak 6,064 dan berjumlah RM1,113,172.52.

BIL	NAMA BANK	TARIKH PROMOSI	JUMLAH CAWANGAN TERLIBAT	PEMBUKAAN AKAUN SSPN- <i>i</i>		PENAMBAHAN AKAUN SSPN- <i>i</i>		JUMLAH	
				BIL AKAUN	RM	BIL AKAUN	RM	BIL AKAUN	RM
1	Bank Rakyat	19 & 20 Feb 2014	13	127	RM16,490.00	55	RM16,260.00	182	RM32,750.00
2	Bank Rakyat	26 & 27 Mac 2014	124	1,685	RM177,967.45	558	RM134,884.07	2,243	RM312,851.52
3	RHB Bank	28 & 29 Mei 2014	163	1,705	RM336,028.00	467	RM207,765.00	2,172	RM543,793.00
4	Bank Islam	25 & 26 Jun 2014	128	1,095	RM84,866.00	372	RM138,912.00	1,467	RM223,778.00
JUMLAH KESELURUHAN				4,612	RM615,351.45	1,452	RM497,821.07	6,064	RM1,113,172.52

- 1 Pelanggan RHB Bank diberi penerangan berkenaan dengan SSPN-*i* oleh kakitangan PTPTN.
- 2 Kakitangan PTPTN memberi penerangan mengenai keistimewaan SSPN-*i* kepada pelanggan.
- 3 Di antara pelanggan Bank Islam yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan PTPTN.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DAN PENANDA ARAS KE PTPTN

Persaingan dan transformasi persekitaran yang hebat secara menyeluruh pada hari ini menuntut sesebuah agensi turut berubah secara selari dengan perubahan-perubahan yang berlaku.

Sebagai peneraju dalam pengurusan pembiayaan pengajian tinggi, PTPTN telah menerima lawatan sambil belajar dan penanda aras daripada beberapa agensi kerajaan yang mempunyai fungsi yang hampir sama dengan PTPTN.

Penanda aras perlu untuk mengukur dan membandingkan tahap pencapaian serta amalan-amalan terbaik di antara agensi untuk dijadikan panduan serta penambahbaikan di masa hadapan.

Sepanjang bulan Januari hingga Jun 2014, PTPTN telah

menerima lawatan sambil belajar dan penanda aras daripada beberapa agensi.

AGENSI	TARIKH LAWATAN
Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM)	18 Mac 2014
Unit Penguatkuasaan Dan Kutipan Bayaran Balik, Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	16 April 2014
Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Dungun, Terengganu	23 April 2014
Yayasan Pahang	19 Jun 2014

Pengisian lawatan antara lain ialah taklimat dan pendedahan berkenaan aktiviti-aktiviti utama PTPTN seperti skim pembiayaan pendidikan, bayaran balik dan SSPN-i. Di samping itu, delegasi

lawatan juga berpeluang untuk mengutarakan pertanyaan dan berkongsi pendapat bagi memperbaiki prestasi agensi dari semasa ke semasa di samping meningkatkan daya saing.



1



2



3



4

- 1 Delegasi lawatan daripada TAPEM tekun mendengar penerangan PTPTN.
- 2 Wajah ceria pelajar-pelajar daripada sekolah daerah Dungun sempena lawatan sambil belajar ke PTPTN.
- 3 Pegawai daripada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia mendengar penerangan ringkas berkenaan dengan pengurusan dokumen perlanjiran.
- 4 Wakil delegasi Yayasan Pahang mengutarakan pertanyaan berkaitan operasi PTPTN.

PEMBUKAAN PEJABAT PTPTN NEGERI/ CAWANGAN BAHARU



Sepanjang tempoh Januari sehingga Jun 2014, PTPTN telah melebarkan sayap dengan pembukaan 4 buah cawangan Pejabat PTPTN Negeri (PPN) dan Pejabat PTPTN Cawangan (PPC) baharu iaitu PPN Perlis, PPC Kuala Krai, PPC Tawau dan PPC UTC Johor. Objektif penubuhan PPN/ PPC ini adalah berasaskan keperluan pelanggan PTPTN yang sentiasa ingin berhubung dengan PTPTN selain memudahkan para pelanggan untuk mendapatkan informasi mengenai pembiayaan, bayaran balik dan juga SSPN-*i*. PPN/ PPC telah memulakan operasi seperti berikut:

Bil	PPN/ PPC	Tarikh Operasi
1	Pejabat PTPTN Cawangan Kuala Krai	13 April 2014
2	Pejabat PTPTN Negeri Perlis	28 April 2014
3	Pejabat PTPTN Cawangan Tawau	03 Jun 2014
4	Pejabat PTPTN Cawangan UTC Johor	22 Jun 2014

Penubuhan PPN/ PPC dilihat sebagai langkah positif dalam memberi nilai tambah kepada perkhidmatan sedia ada PTPTN di seluruh Malaysia. Dengan penubuhan PPN/ PPC, PTPTN kini

telah mempunyai 23 buah PPN/ PPC yang beroperasi di seluruh Malaysia. Informasi lanjut berkenaan Pejabat PTPTN di seluruh Malaysia layari www.ptptn.gov.my.




Pejabat PTPTN Cawangan Kuala Krai



Pejabat PTPTN Cawangan UTC Johor

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN



2.43 juta

Jumlah penerima biaya sehingga 30 Jun 2014



55.66 bilion

Jumlah peruntukan pembiayaan pendidikan sehingga 30 Jun 2014

SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN-*i*)



2,020,771

Jumlah pembukaan akaun SSPN-*i* sehingga 30 Jun 2014



1,303.24 juta

Jumlah deposit sehingga 30 Jun 2014

WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)



690,726

Jumlah waran WPP sehingga 30 Jun 2014



1,017.49 juta

Amaun yang ditunaikan sehingga 30 Jun 2014

PENGECEUALIAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN



21,796

Jumlah penerima biaya yang dikecualikan bayaran balik pembiayaan pendidikan kerana mendapat Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf sehingga 30 Jun 2014



lensa ptptn

10.01.14

MAJLIS CABUTAN HADIAH
SIMPANAN PERDANA SSPN-*i*

Dewan Besar PTPTN

No	Hadiah	No Bil	Nombor Pujian	Nama
1	Perdana	34034008	72102085143	SOO WAFAN
2	Kedua	40046303	78010040039	WENGY TAN SEW KIM
3	Kedua	49074013	78032748222	LIAM CHOW TI
4	Keliga	21007033	74802705939	CHEONG SAUFONG
5	Keliga	45025002	80111035962	LAU KM BEE
6	Keliga	79454000	74050140347	SHAMSIL ANJALIS
7	Keliga	4397901	94001745172	ADAH BRITIA
8	Keliga	30770075	5004095126	TAN OHNE PENG
9	Sepuluh	94403056	03101102901	TAN MENG HOON
10	Sepuluh	40101142	67053047759	POH KOO HUI CHAI



11.01.14

MAJLIS SUMBANGAN MANGSA
BANJIR

Dewan Bestari Sekolah Menengah
Seri Pekan
Pekan, Pahang



21.01.14

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU &
PERHIMPUNAN BULANAN

Dewan Besar PTPTN



15.02.14

HARI BERTEMU PELANGGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

Bintang Plaza
Miri, Sarawak





**12.03.14 -
14.03.14**

PROGRAM SAHABAT PTPTN
DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

Kementerian Pendidikan Malaysia
Presint 5, Putrajaya



22.04.14

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM
SAHABAT PTPTN PERINGKAT
NASIONAL DAN PENYAMPAIAN
HADIAH SIMPANAN PERDANA
SSPN-i

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur



17.05.14

KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI DAN
KEMAHIRAN (MEPHES)

Dewan Seri Negeri, Melaka



**25.05.14 -
26.05.14**

PROGRAM "PTPTN DI HATIKU" DAN
PENYERAHAN WANG PENDAHULUAN
PEMBIAYAAN (WPP) PTPTN

Dewan Merdeka Lenggong dan
SMK Abdul Rahman Talib
Teluk Intan, Perak



**13.06.14 -
14.06.14**

KARNIVAL ASTRO GEMPAK 2014

Plaza Angsana, Johor Bahru



19.06.14

LAWATAN KERJA YAYASAN
PAHANG KE PTPTN

Bilik Mesyuarat Utama
PTPTN

khidmat komuniti

MISI SUKARELAWAN MANGSA BANJIR PTPTN

Misi Sukarelawan Mangsa Banjir PTPTN di Pekan, Pahang telah diadakan pada 11 Januari 2014 bersempena dengan Majlis Anugerah Kecemerlangan UPSR & PMR 2013 bertempat di Dewan Bestari Sekolah Menengah Seri Pekan, Pekan, Pahang.

PTPTN telah memberikan sumbangan beg sekolah kepada 675 buah keluarga mangsa banjir di Pekan yang telah disampaikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Program ini adalah kesinambungan daripada Misi Sukarelawan PTPTN yang telah dilancarkan pada 19 Disember 2013 melibatkan empat belas lokasi di empat buah negeri yang terjejas akibat banjir iaitu Pahang, Johor, Terengganu dan Kelantan.

Misi Sukarelawan PTPTN telah memberikan sumbangan beg sekolah bernilai RM100,000.00 untuk diagihkan kepada 1,900 buah keluarga mangsa banjir bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang akan memulakan sesi persekolahan pada awal tahun 2014.



YAB Perdana Menteri menyampaikan sumbangan beg sekolah PTPTN kepada mangsa banjir



Di antara tetamu dan penerima sumbangan yang hadir

MAJLIS PENYERAHAN WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)

Majlis Penyerahan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) bagi pelajar kemasukan IPTA sesi Jun 2014 telah diadakan pada 25 Mei 2014 di Dewan Merdeka Lenggong, Perak.

Penerima WPP daripada kawasan yang berhampiran iaitu Grik, Padang Rengas dan Kuala Kangsar telah diserahkan bersekali di dalam majlis ini melibatkan seramai 419 penerima WPP.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Pengerusi PTPTN.



YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah menyampaikan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) kepada penerima



Para penerima WPP bergambar bersama-sama tetamu kehormat

PROGRAM MINI “PTPTN DI HATIKU” DAN MAJLIS PENYERAHAN WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)

Program Mini “PTPTN Di Hatiku” telah diadakan bersekaligus dengan Majlis Penyerahan WPP kepada pelajar kemasukan IPTA sesi Jun 2014. Majlis telah diadakan di SMK Abdul Rahman Talib, Teluk Intan, Perak pada 26 Mei 2014 dan dirasmikan oleh YB Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Pengerusi PTPTN.

Penyampaian WPP kepada penerima daripada kawasan yang berhampiran iaitu Bagan Datoh dan Pasir Salak turut disampaikan pada majlis ini. Selain itu, PTPTN juga turut

menyampaikan sumbangan pembukaan akaun SSPN-i kepada 219 orang pelajar cemerlang daripada kawasan Teluk Intan.

Majlis ini telah melibatkan seramai 1,000 peserta di mana 394 penerima WPP dan 219 penerima sumbangan pelajar cemerlang beserta penyertaan ibu bapa dan masyarakat setempat. Pengisian program ini adalah berbentuk bicara ilmu kepada pelajar cemerlang dan ibu bapa yang disampaikan oleh Ustaz Roslan Cherus bertajuk “Anak Hebat, Ibu Bapa Baik Dan Negara Gemilang”.



1 Sesi penyampaian WPP kepada penerima.

2 Ustaz Roslan Cherus menyampaikan Bicara Ilmu bertajuk “Anak Hebat, Ibu Bapa Baik Dan Negara Gemilang”.

rencana

SAHABAT PTPTN

Pernahkah anda mendengar bahawa mana-mana agensi berdaftar yang menggalakkan potongan gaji kakitangan bagi tujuan bayaran balik pembiayaan PTPTN atau simpanan SSPN-*i* akan menerima komisen? Ya. Melalui Program Sahabat PTPTN, keistimewaan komisen dapat dinikmati oleh para majikan. Program ini merupakan kolaborasi strategik PTPTN dengan agensi kerajaan/ swasta bertujuan menggalakkan kakitangan melaksanakan bayaran balik pembiayaan, pembukaan akaun/ penambahan deposit SSPN-*i* melalui potongan gaji di samping menjana pendapatan sampingan kepada Sahabat PTPTN.

BIL	PERKARA	KOMISEN
1	Pembukaan akaun SSPN- <i>i</i> (<i>one off</i>)	RM2.00/ akaun
2	Penambahan deposit SSPN- <i>i</i> (setiap bulan)	RM0.50/ akaun
3	Bayaran balik pembiayaan PTPTN (<i>one off</i>)	RM10.00/ penerima biaya



KEISTIMEWAAN SAHABAT

Nikmati komisen, memperolehi informasi terkini & berpeluang menyertai program PTPTN

Jom, sertai Sahabat PTPTN!

KEISTIMEWAAN KAKITANGAN

Nikmati keistimewaan SSPN-*i*, diskaun 10% bayaran balik, & hadiah menarik

CARA PENYERTAAN

Hubungi Pejabat PTPTN Negeri & isi Borang Pendaftaran Sahabat PTPTN

PROGRAM DERMA DARAH



Sambutan menggalakkan yang diterima daripada warga PTPTN



Antara kakitangan yang menderma darah

Program Derma Darah Peringkat PTPTN anjuran Biro Kebajikan dan Kesihatan, Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) PTPTN telah diadakan pada 5 Mac 2014 bertempat di Dewan Besar PTPTN. Seramai 141 pegawai daripada Ibu Pejabat PTPTN dan

52 orang pegawai daripada Pejabat PTPTN Negeri Selangor telah berjaya menderma darah. Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih, pihak KSK telah memberi cenderahati T-Shirt kepada kakitangan yang berjaya menderma darah.

MAJLIS SOLAT HAJAT DAN BACAAN YASSIN



Encik Esrifaridz bin Subohi mengetuai bacaan Yassin



Antara ahli jemaah yang hadir

Biro Kerohanian, Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) PTPTN telah mengadakan Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yaasin pada 24 April 2014 bertempat di Dewan Besar PTPTN. Solat hajat dan bacaan Yassin telah diketuai oleh Encik Esrifaridz bin Subohi.

Tujuan penganjuran majlis antara lain adalah untuk mendoakan perjalanan harian operasi PTPTN dipermudahkan oleh-NYA serta untuk krew dan penumpang pesawat MH370 yang masih gagal dikesan hingga ke hari ini. Semoga Allah SWT merahmatinya.

BICARA ILMIAH MAULIDUR RASUL 1435H



Ustaz Don Daniyal menyampaikan ceramah bertajuk "Cinta Hi-Class"



Biro Kerohanian bergambar bersama penceramah jemputan

Program Bicara Ilmiah Maulidur Rasul 1435H bertajuk "Cinta Hi-Class" telah diadakan pada 30 April 2014 bertempat di Dewan Besar PTPTN. Bicara tersebut telah disampaikan oleh penceramah terkemuka iaitu Ustaz Don Daniyal bin Don Binyajid.

Disamping itu, Biro Kerohanian PTPTN juga turut menjual produk dari Darul Quran Nurul Hasanah (DQNH) iaitu Air Wadi Hasanah & Minyak Zaitun yang telah di syifa' dengan 30 juzuk ayat Al-Quran.

SUKAN MINI YB MENTERI PENDIDIKAN II



Pasukan bola jaring PTPTN



Kontinjen PTPTN bersama YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II

PTPTN telah menyertai Sukan Mini YB Menteri Pendidikan II pada 25 Jun 2014 bertempat di Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya. Antara sukan yang telah dipertandingkan adalah bola tampar (lelaki/ wanita), bola jaring, petanque dan

ping pong. Kontinjen PTPTN diketuai oleh Encik Abdul Ghaffar bin Yusop telah berjaya menjadi Johan bagi acara bola tampar (lelaki) dan bola jaring. Sekalung tahniah diucapkan kepada kontinjen PTPTN!

media interaktif

LAWATAN KERJA KE MEDIA PRIMA BERHAD

Jabatan Komunikasi Korporat PTPTN telah menganjurkan lawatan kerja ke Media Prima Berhad pada 11 Mac 2014. Program ini bertujuan untuk mengeratkan kerjasama yang sedia terjalin dan merupakan platform untuk melaksanakan kolaborasi strategik di antara PTPTN bersama Media Prima.

Penerangan berkenaan operasi Media Prima Berhad kepada delegasi lawatan PTPTN



Sesi bergambar PTPTN bersama Media Prima Berhad



MEDIA LUNCHEON BERSAMA PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)

Media Luncheon Bersama Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) telah diadakan pada 16 April 2014 bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Seramai 6 orang Ahli Mesyuarat Pengurusan PTPTN dan 12 orang wakil BERNAMA telah menghadiri majlis makan tengahari yang bertujuan untuk menjalin hubungan baik dan kerjasama positif di antara PTPTN dan BERNAMA.



Ketua Eksekutif PTPTN bersama pengurusan BERNAMA



Sesi bergambar PTPTN bersama BERNAMA

WAWANCARA BERSAMA MEDIA



3 APRIL 2014

Assalamualaikum (TV Alhijrah)
SIMPANAN BONANZA SSPN-i DAN
SIMPANAN X-TRA BONANZA! SSPN-i

Panel:

Puan Aizam binti Abdul Aziz @ Drahaman
Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat

Puan Rina binti Abd Rahman
Timbalan Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat



29 APRIL 2014

Selamat Pagi 1 Malaysia (RTM TV1)
SIMPANAN BONANZA SSPN-i DAN
SIMPANAN X-TRA BONANZA! SSPN-i

Panel: YM Tuan Din bin Tuan Mat
Pengurus Besar Kanan
Pejabat PTPTN Negeri



21 MEI 2014

Malaysia Hari Ini (TV3)
PROMOSI SAHABAT PTPTN DAN
SIMPANAN BONANZA SSPN-i &
SIMPANAN X-TRA BONANZA! SSPN-i

Panel:

Puan Aizam binti Abdul Aziz @ Drahaman
Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat



30 APRIL 2014

Dialog (RTM TV1)
PROMOSI PROGRAM SAHABAT PTPTN

Panel:

YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah
Pengurus PTPTN

YM Tuan Din bin Tuan Mat
Pengurus Besar Kanan
Pejabat PTPTN Negeri



22 MEI 2014

Sinar FM
SIMPANAN BONANZA SSPN-i DAN
SIMPANAN X-TRA BONANZA! SSPN-i

Panel:

Puan Aizam binti Abdul Aziz @ Drahaman
Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat

Puan Rina binti Abd Rahman
Timbalan Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat

inspirasi



BERSYUKUR!

Apabila kita dikurniakan nikmat, rezeki, kegembiraan mahupun kelebihan, apa yang patut kita lakukan?

BERSYUKUR!

Ya, itulah yang seharusnya kita tanamkan dalam jiwa. Tapi, bagaimana pula kalau kita diberikan kekurangan, kecacatan, kemiskinan, kedukaan dan ujian? Berapa ramaikah dalam kalangan kita yang bersyukur?

Mungkin hanya segelintir di antara kita yang bersyukur bila ditimpa ujian. Mungkin dalam 100% hanya 5% sahaja yang bersyukur dan berlapang dada apabila ditimpa ujian.

Sedarkah kita... Beruntunglah bagi mereka yang selalu bersyukur dan sabar. Banyak kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka yang bersyukur dan sabar dengan ujian yang diturunkan.

Pasti kita pernah mendengar kata-kata ini "*After every storm there is a rainbow*". Selepas setiap guruh, adanya pelangi. Walau apa juga ujian yang diturunkan, kuatkan semangat dan azamkan tekad. Yakinkan dengan janji Allah.

Biar kita miskin, biar kita buruk, biar kita cacat, asalkan hidup mendapat berkat. Fikirkan setiap kekurangan pasti ada kelebihan yang diberikan. Begitu juga sebaliknya. Setiap kelebihan itu pasti ada kekurangan kerana kita memang diciptakan lemah dan tidak sempurna.

Ingatlah bahawa kekurangan itu hebat. Jangan pernah rasa rendah diri dengan kekurangan diri kerana percayalah, setiap yang Allah kurniakan mempunyai kelebihan dan keberkatan tertentu.

Ingatlah, Allah menciptakan manusia dengan segala kelebihan dan kekurangan. Hikmahnya, agar manusia itu hidup bersama dan tidak mementingkan diri sendiri (saling lengkap melengkapi). Mereka yang kaya membantu yang miskin, yang sihat membantu yang sakit dan lain-lain.

Ingatlah langit tidak selalu cerah dan kita tidak selalu di atas. Janganlah kita hina kekurangan seseorang itu kerana mungkin suatu hari kita memerlukan sesuatu yang kita tidak ada daripada orang yang kita pernah hina dahulu.

Renung-renungkan dan BERSYUKURLAH!



www.ptptn.gov.my



icare.ptptn.gov.my



03-2080 4455



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)



@twitptpn



SaluranMediaPTPTN



instaptptn

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

One Stop Center PTPTN KL Sentral
Unit 1 & 2A, 2B, Level 2
Stesen Sentral Kuala Lumpur
50470 Kuala Lumpur

One Stop Center PTPTN Putrajaya
Kementerian Pendidikan Malaysia
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Kuala Lumpur
Lot T3-9, Tingkat 3
UTC Pudu Sentral
Jalan Pudu
55100 Kuala Lumpur

Pejabat PTPTN Negeri Selangor
Tingkat Bawah, Tingkat Mezzanine dan Tingkat 8
Menara MRCA
No. 2, Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14
40712 Shah Alam, Selangor

Pejabat PTPTN Negeri Sembilan
Tingkat 3, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan
70000 Seremban
Negeri Sembilan

Pejabat PTPTN Negeri Melaka
Suite 4.2 - 4.5, Aras 4
Urban Transformation Centre (UTC)
Jalan Hang Tuah
75300 Melaka

Pejabat PTPTN Negeri Johor
No. 17, Jalan Padi Emas 1/5
Uda Business Centre
Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru, Johor

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Johor
Pusat Transformasi Bandar (UTC) Johor
L3-UTC-04, Galeria @ Kotaraya, Jalan Trus
80000 Johor Bahru, Johor

Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang
No. 53, Jalan Todak 6
Pusat Perniagaan Bandar Sunway Perdana
13700 Seberang Jaya, Butterworth
Pulau Pinang

Pejabat PTPTN Negeri Perlis
Lot 36 & 38, Medan Syed Alwi
01000 Kangar, Perlis

Pejabat PTPTN Negeri Kedah
No. 1302, Jalan Tunku Ibrahim
05000 Alor Setar, Kedah

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Kedah
4-11 UTC, Tingkat 4, Bangunan UTC
Kompleks MBAS, Jalan Kolang Air
05675 Alor Setar, Kedah

Pejabat PTPTN Negeri Perak
No. 11 & 13, Tingkat Bawah
Persiaran Green Town 4
31300 Green Town, Ipoh, Perak

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Perak
Lot No. LA 18
Urban Transformation Centre (UTC) Perak
Off Jalan Dato' Onn Jaafar
30300 Ipoh, Perak

Pejabat PTPTN Negeri Pahang
No. 48, Malay Town
Jalan Putra Square 1, Putra Square
25200 Kuantan, Pahang

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Pahang
No. 2-20
Pusat Transformasi Bandar (UTC Pahang)
Bangunan UTC Pahang, Jalan Stadium
25200 Kuantan, Pahang

Pejabat PTPTN Negeri Terengganu
No. 37 (B6) Blok B
Tingkat Bawah, 1 dan 2, Dataran Emas
Jalan Sultan Sulaiman
20200 Kuala Terengganu
Terengganu

Pejabat PTPTN Negeri Kelantan
Lot 1158, Tingkat Bawah,
Jalan Doktor
15000 Kota Bharu, Kelantan

Pejabat PTPTN Cawangan Kuala Krai
PT5555 Tingkat Bawah & 1, Taman Yani
KM1.5 Lebuhraya Kuala Krai - Gua Musang
18000 Kuala Krai, Kelantan

Pejabat PTPTN Negeri Sabah
B1-06, Tingkat 1, Warisan Square
Jalan Tun Fuad Stephens
88100 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat PTPTN Cawangan Tawau
TB 4334, Lot 14, Tingkat 1 (Corner)
Blok 31 & 32, Fajar Commercial Complex
Jalan Merdeka 2/3
91000 Tawau, Sabah

Pejabat PTPTN Negeri Sarawak
Lot 519, No. 15-I, Section 6
Al-Idrus Commercial Centre
Jalan Kulias
93400 Kuching, Sarawak